



Headline: Guru rugi RM30,000 ditipu scammer
Publication/Portal: Kosmo
Date: 4 August 2021

Language: Malay
Section: Negara
Page: 14



WANG simpanan seorang guru lesap selepas ditipu scammer yang menyamar pegawai LHDN, polis kelmarin. – GAMBAR HIASAN

Guru rugi RM30,000 ditipu scammer

KUANTAN – Seorang guru lelaki rugi RM30,000 selepas menjadi mangsa penipuan sindiket yang menyamar sebagai pegawai Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN) dan anggota polis kelmarin.

Ketua Jabatan Siasatan Jenayah Komersial Pahang, Superintendan Mohd. Wazir Mohd. Yusof berkata, mangsa berusia 27 tahun dari Cameron Highlands menerima panggilan daripada nombor tidak kenali kira-kira pukul 2.30 petang.

"Pemanggil memperkenalkan diri sebagai pegawai LHDN Alor Setar, Kedah dan memaklumkan sebuah syarikat didaftarkan atas nama mangsa telah gagal membayar tunggakan cukai lebih setahun berjumlah RM17,600.76, namun lelaki itu menafikan perkara berkenaan.

"Panggilan kemudian disambungkan kepada pegawai polis dari Ibu Pejabat Polis Kontinjen Kedah dan selepas memberikan butiran kad pengenalan diri, mangsa diberitahu namanya mempunyai rekod

dalam kegiatan pengubahan wang haram," katanya di sini semalam.

Tambah Mohd. Wazir, panggilan mangsa kemudian disambungkan pula kepada Bahagian Siasatan Akta Pencegahan Pengubahan Wang Haram (AMLA) sebelum seorang lelaki memintanya memindahkan wang dalam akaun simpanannya ke akaun yang diberikan pemanggil bagi tujuan pemeriksaan.

Jelasnya, kira-kira pukul 4.30 petang hari yang sama mangsa telah membuat pemindahan wang secara dalam talian berjumlah RM30,000 ke akaun berkenaan, namun selepas sejam mangsa tidak menerima panggilan daripada suspek malah lelaki itu juga gagal menghubungi suspek.

"Mangsa menyedari ditipu pihak terbabit tampil membuat laporan polis berhubung kejadian itu dan kes berkenaan masih disiasat mengikut Seksyen 420 Kanun Keseksaan,"ujarnya.